

07 JUL 1998

Mahathir-Media

KERAJAAN PERLU MEDIA MASSA YANG JUJUR, KATA DR MAHATHIR

SHAH ALAM, 7 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan memerlukan media massa memainkan peranan aktif dan jujur dalam menyampaikan maklumat yang boleh mendorong dan menggerakkan rakyat ke arah kecemerlangan dan kejayaan.

Menurut Perdana Menteri, penguasaan terhadap maklumat memberikan kelebihan kepada pemiliknya untuk merancang strategi bagi menentukan kejayaan.

"Dalam hubungan ini, NTV7, selain membawa program-program hiburan diharap akan menjadi satu lagi saluran berkesan untuk membina masyarakat yang bermoral, berpengetahuan kreatif, inovatif dan bersikap maju," katanya dalam perutusan buku cenderamata sempena pelancaran NTV7 di sini.

Beliau berkata adalah penting NTV7 juga berusaha melalui rancangan-rancangan untuk memupuk semangat perpaduan dan integrasi antara penduduk Sarawak dan Sabah dengan Semenanjung Malaysia iaitu salah satu matlamat penubuhannya.

Beliau juga yakin NTV7 dapat membawa pembaharuan dalam industri penyiaran televisyen negara termasuk menerbitkan rancangan-rancangan tempatan yang bermutu tinggi dan berwawasan.

Dr Mahathir berkata stesen televisyen swasta itu juga dapat meningkatkan kemahiran dan kepakaran anak-anak Malaysia dalam teknologi penyiaran dan multimedia.

"Saya mengucapkan syabas kepada NTV7 dan berharap stesyen ini akan menjadi sebuah stesyen yang berkesan sebagai penghibur dan pembina bangsa dan negara yang bermaruah lagi dihormati," katanya.

Acara pelancaran NTV7 oleh Dr Mahathir disiarkan secara langsung oleh stesyen televisyen itu malam ini.

-- BERNAMA

NZ FAZ